



**TS DR
NOR'AISHAH
HASAN**

SRIKANDI TEKNOLOGI

**OMEGA-3
PERANAN IKAN**

**MAKMAL
MEGA
PERANAN DALAM
BIOLOGI MOLEKUL**

**CANVA
MAKMAL
KOMPUTER MAYA?**

**TEKNOLOGI
PLASTIK
APAKAH KESANNYA?**

**RISK
MANAGEMENT IN
MICROBIOLOGY
LABORATORY**

**KENALI PENYAKIT
IKAN DALAM
MAKMAL**

**PLOGGING:
A NEW TREND IN
ENVIRONMENT?**

ISSN 2773-5869



9 772773 586005

Jejak Akademia

LAWATAN KE MAHKAMAH DENGAN TEKNOLOGI TERKINI, PENGALAMAN BAHARU KEPADA PELAJAR FAKULTI PERAKAUNAN

Oleh

DR FARIHANA BINTI ABDUL RAZAK,
MUHAMAD IKHWAN MOHD ZAIN,
NURUL IZZATI MD RASHID DAN
AFIDAH OSOMAN

Jabatan Undang-Undang,
UiTM Cawangan Perak, Kampus Tapah,
35400 Tapah Road, Perak

farihana@uitm.edu.my

EDITOR: DR NURHAMIMAH ZAINAL ABIDIN

Antara pihak yang sering terlibat secara langsung di Mahkamah ialah Majistret, Timbalan Pendakwa Raya (*Deputy Public Prosecutor*), peguam, peguam pelatih, pelajar praktikal, polis mahkamah, dan orang awam.

Melihat dari aspek struktur binaan Mahkamah Majistret Tapah di lokasi yang baharu ini, ternyata berbeza daripada mahkamah di lokasi sebelum ini kerana binaannya lebih luas, kawasan yang praktikal, parkir yang luas serta fasiliti yang disediakan selari dengan status sebagai tempat pengadilan. Dengan teknologi yang terkini, Mahkamah mempunyai kamera litar tertutup serta kamera yang merakam segala butiran maklumat semasa perbicaraan kes diadakan yang dikenali sebagai *Court Transcription Recording* (CRT) yang mana CRT digunakan oleh Mahkamah semasa perbicaraan diadakan bagi Timbalan Pendakwa Raya dan pihak-pihak berkaitan, dengan izin mahkamah memohon untuk menyaksikan semula sebarang perbicaraan dan pengurusan kes.

Galeri awam yang luas dilengkapi dengan kerusi yang selesa telah disediakan untuk memuatkan sekurang-kurangnya 30 hingga 40 orang awam yang ingin mengikuti kes perbicaraan semasa. Tambahan pula, sistem bunyi mikrofon dalam bilik bicara di Mahkamah untuk pihak-pihak berhujah dan mendengar kes, berfungsi dengan sangat baik, malah dapat didengari oleh semua pihak dengan amat jelas.

Jabatan Undang-Undang

di UiTM Cawangan Perak, Kampus Tapah telah mengadakan satu lawatan khas bersama pelajar terpilih semester tiga dari Fakulti Perakaunan yang mempelajari topik khusus berkaitan tentang sistem kehakiman di Malaysia. Bertujuan untuk merasai pengalaman secara langsung di mahkamah sebenar, lawatan ke Mahkamah Majistret Tapah, Perak ini merupakan program julung kali diadakan kepada pelajar dan pensyarah pengiring. Hasilnya, lawatan ini memberikan pengalaman pertama yang sangat berharga buat kesemua peserta.

Umum mengetahui, Mahkamah ialah sebuah tempat atau platform untuk mendapatkan pengadilan dari segi perundangan bagi semua kes yang mempunyai pertikaian. Selain itu, Mahkamah turut mendengar kes-kes berkaitan dengan orang kena tuduh (OKT) dan orang kena saman (OKS).



Gambar 1. Pengalaman yang diperolehi amatlah bernilai

Sesi lawatan dimulakan dengan taklimat ringkas oleh Puan Majistret. Para peserta lawatan sangat terpegun dan terkesima dengan kepetahan beliau menyampaikan maklumat serta ilmu yang dimilikinya. Ringkasnya, perkongsian beliau sepanjang lawatan itu diadakan begitu menarik perhatian dan mudah difahami oleh para peserta. Beliau menggunakan frasa dan ayat yang jelas dan mudah diterima oleh para pelajar yang tidak berlatarbelakangkan bidang undang-undang secara khusus. Lebih mengujakan, para pelajar diberikan peluang untuk masuk dan melihat sendiri kedudukan bilik bicara yang terdiri daripada 'bench' Majistret, kandang saksi, tempat Peguambela, tempat Timbalan Pendakwa Raya, meja jurubahasa dan galeri awam.

Ketika sesi taklimat tersebut, terdapat wakil pelajar yang sudi menawarkan diri untuk menjadi saksi olok-olok semasa sesi demonstrasi tugas seorang jurubahasa diadakan. Pengalaman itu membuatkan pelajar benar-benar dapat memahami gambaran perbicaraan dengan lebih jelas dan meyakini bahawa Mahkamah merupakan satu tempat untuk mendengarkan kes-kes dan mendapat keputusan yang adil dan saksama. Sebagai orang awam, sudah tentu itulah persepsi dan harapan besar terhadap institusi kehakiman negara.

Antara pengalaman istimewa semasa sesi lawatan tersebut, para pelajar telah diberikan peluang untuk menyertai dan melihat sendiri prosiding kes sambungan bicara yang telah dijadualkan berlangsung pada hari tersebut. Hasil daripada tinjauan, mereka begitu teruja dengan pengalaman kali pertama dan bernilai itu. Pelajar dapat menyaksikan bagaimana saksi mengangkat sumpah dan ditanyakan soalan pemeriksaan balas (*cross-examination*) oleh pihak Peguambela.

Prosiding ditangguhkan kerana kekangan masa tetapi para pelajar sedikit sebanyak dapat melihat cara penyampaian Peguambela dan Timbalan Pendakwa Raya, ketegangan situasi di mahkamah dan cara Majistret mengadili prosiding. Sebilangan pelajar berkongsi, mereka begitu terinspirasi dengan hujahan oleh pihak peguambela serta soalan-soalan yang ditanya kepada saksi ketika perbicaraan tersebut. Malah, ada pelajar yang telah bertemu dengan peguam tersebut di luar mahkamah secara peribadi untuk berkenalan dan bertanyakan soalan lanjut. Hasilnya, mereka telah memperoleh visual yang lebih jelas tentang proses bicara kes di Mahkamah. Para pelajar telah diterangkan mengenai peraturan-peraturan Mahkamah oleh para Pensyarah, namun perkara ini turut diterangkan semula oleh Polis Mahkamah dan Puan Majistret. Peraturan umum tersebut termasuklah tidak boleh membuat bising, harus duduk di bahagian galeri yang disediakan, tunduk hormat pada Majistret sebelum keluar daripada Mahkamah, mematikan telefon bimbit, tidak membuat sebarang rakaman dan sebagainya. Kesimpulannya, pengalaman berharga diluar bidang pembelajaran mereka ini telah menjadi satu tambahan ilmu baharu yang sangat bermakna.

Benarlah, ilmu itu tidak terhad hanya di dalam bilik kuliah. Skop yang lebih luas dapat diperolehi melalui pengalaman sebegini. Sudah tentu ia menjadi nilai tambah kepada para pelajar sendiri.

Turut sukacita dikongsikan bersama beberapa momen Jejak Akademia di Mahkamah Tapah sepanjang lawatan tersebut. Pihak Jabatan percaya para pelajar telah mendapat banyak perkongsian dan ilmu yang bermanfaat serta memori yang terindah dalam sesi lawatan kali ini, seperti dalam rakaman foto berikut.



Gambar 2. Mahkamah Tapah, Perak



Gambar 3 dan 4. Pelajar semester tiga dari Fakulti Perakaunan yang mempelajari topik khusus berkaitan tentang sistem kehakiman di Malaysia yang terpilih untuk menyertai lawatan ini

Setinggi-tinggi penghargaan dirakamkan kepada Majistret Mahkamah Tapah, Puan Siti Hanum Mohmad Sah dan semua kakitangan Mahkamah kerana telah memberi kerjasama baik dan sudi menerima kunjungan daripada pelajar Perakaunan di UiTM Kampus Tapah, Perak. Jutaan terima kasih juga diucapkan kepada Penolong Rektor dan pihak pengurusan UiTM Perak Kampus Tapah yang telah meluluskan permohonan Jabatan Undang-Undang.

Program ini telah menjadi satu permulaan yang baik kepada Jabatan Undang-Undang Kampus Tapah dan memberi motivasi kepada Jabatan untuk terus mengorak langkah mengadakan program yang lebih bermanfaat sekaligus dapat menjalin kerjasama dengan agensi luar pada masa akan datang.